



JABATAN PENDIDIKAN NEGERI SABAH
SEKTOR PEMBANGUNAN KEMANUSIAAN
UNIT SUKAN
TINGKAT 1, BLOK C, BANGUNAN KWSP,
88604 KOTA KINABALU, SABAH
TEL: 088-249930/251354/251334
FAKS: 088-247530/231561



Rujukan : JP(SB)/800/06/05
Tarikh : 07hb. April 2014

**President,
Persatuan Taekwondo Bersatu Negeri Sabah,
Lot 9, Tingkat 2, Rumah Kedai Segama,
Jalan Tun Abdul Razak,
88000, Kota Kinabalu, Sabah.**

Tuan,

**PERMOHONAN PELEPASAN PELAJAR UNTUK MENYERTAI KEJOHANAN 1st
UNITED TAEKWONDO SABAH ASSOCIATION (WTF) PRESIDENT'S CUP
TAHUN 2014**

Adalah saya diarah untuk merujuk surat tuan bil : UTSA bertarikh 02hb April 2014 berhubung perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa permohonan pelepasan pelajar Persatuan Taekwondo Sabah untuk menyertai **Kejohanan 1st Taekwondo Sabah Association President's Cup pada 17hb hingga 20hb April 2014 di Kompleks Sukan Likas, Kota kinabalu adalah diluluskan.**

3. Walau bagaimanapun, kelulusan ini tertakluk kepada Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 7/1988 : Penyertaan Pelajar Dalam Pertandingan atau Kejohanan Sukan Anjuran Persatuan atau Badan Induk Sukan atas **persetujuan serta kelulusan pihak sekolah.**

4. Surat Pekeliling ini adalah bertujuan untuk memastikan bahawa keperluan-keperluan berikut dipenuhi sebelum pelajar-pelajar dibenarkan mengambil bahagian dalam mana-mana pemilihan, latihan, pertandingan dan kejohanan sukan anjuran pihak luar (secara bersendirian atau dianjurkan bersama dengan (MSSM/MSSS), supaya kepentingan, kebajikan, keselamatan dan kesejahteraan pelajar-pelajar sentiasa terjaga.

4.1 Pemilihan, latihan, pertandingan atau kejohanan yang akan disertai oleh pelajar itu diketahui oleh pengetua/guru besar sekolah yang berkenaan dan dipersetujui oleh Pengarah Pelajaran Negeri.

4.2 Persetujuan dan kebenaran bertulis dari ibu bapa atau penjaga yang membenarkan pelajar mengambil bahagian dalam pemilihan, latihan, pertandingan atau kejohanan pada tarikh, tempat dan masa yang ditetapkan.

- 4.3 **Penyertaan dalam pemilihan, latihan pertandingan atau kejohanan anjuran badan luar atau dianjurkan bersama dengan MSSM/MSSS itu tidak akan mengganggu atau menjejaskan persekolahan pelajar.**
- 4.4 **Perlindungan insuran dan langkah-langkah kecemasan untuk pelajar ada disediakan.**
- 4.5 **Memastikan ada guru pengiring yang bertanggung jawab kepada semua pelajar.**
- 4.6 **Segala implikasi kewangan semasa atau sepanjang aktiviti tersebut berlangsung ditanggung oleh pihak penganjur.**
- 4.7 **Memastikan kebajikan murid dan guru pengiring sentiasa terpelihara disepanjang pelepasan yang telah diberikan.**

5. Walaubagaimanapun diharap tuan dapat memanjangkan perkara ini kepada Pengetua / Guru Besar untuk mendapatkan pelepasan bagi pelajar yang terlibat.

6. Kerjasama dan keprihatinan tuan dalam perkara ini diucapkan berbilang-banyak terima kasih.

Sekian.

“ KE ARAH KECEMERLANGAN SUKAN “

Saya yang menurut perintah.



IR DATU JAMIGUL BIN HAJI DATU SALIN

Ketua Sektor,
Sektor Pembangunan Kemanusiaan,
Jabatan Pendidikan Negeri Sabah.
b.p. Pengarah Pendidikan Negeri Sabah.

sk. Pejabat Pendidikan Daerah (yang berkenaan)

Pengetua Cemerlang/Pengetua. (yang berkenaan)

Guru Besar Cemerlang/Guru Besar (yang berkenaan)